

## **Integriti Dalam Perolehan Kerajaan**

### **A. Kerahsiaan Maklumat Tender**

- **Dokumen Tender Diklasifikasikan Sebagai Sulit**

Semua maklumat berkenaan sesuatu tender termasuk dokumen tender, tawaran tender dan penilaian tender hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT dan tidak boleh disebar kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dengan pengurusan tender sebelum keputusan muktamad dibuat.

- **Merahsiakan Maklumat Tender**

Pegawai Pengawal/Ketua Agensi adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu tender kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya. Rujukan hendaklah dibuat kepada peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]. Mana-mana pegawai awam yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu tender adalah dianggap telah melanggar peruntukan dalam Akta-akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang terlibat.

### **B. Tanggungjawab Mengisytiharkan Kepentingan Terletak Hak**

- **Urusan memproses tender**

Mana-mana pegawai yang terlibat dalam memproses sesuatu tender hendaklah memastikan bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak mengenai tender itu. Mana-mana pegawai yang mempunyai kepentingan dalam apa-apa cara pun dengan petender hendaklah mengisytiharkan kepentingan dan menarik diri secara bertulis daripada menguruskannya.

- **Keputusan Lembaga Perolehan**

Mana-mana ahli Lembaga Perolehan yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai sesuatu tender itu, ahli tersebut hendaklah mengisytiharkan kepentingannya serta menarik diri dari perbincangan dan keputusan tender berkenaan dan perkara ini hendaklah diminitkan. Ahli Lembaga Perolehan hendaklah bersikap neutral dan profesional dalam mempertimbangkan sesuatu tender serta bebas dari pengaruh luar.

### **C. Kesalahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan**

- Selaras dengan usaha Kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah dalam perolehan Kerajaan, Agensi Kerajaan dikehendaki memasukkan klausa peringatan mengenai kesalahan rasuah dalam dokumen perolehan Kerajaan di peringkat penyediaan dokumen pelawaan tender. Sehubungan itu, Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 28 Februari 2009 telah dikeluarkan sebagai peringatan kepada Agensi.

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) – Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan